MAHATHIR-LONDON

1983

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS KELAB UMNO LONDON KERANA MENUDUH PIMPINAN UMNO +AUTOKRATIK+ SUNGGUHPUN PARTI MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO.

+TIDAK ADA AUTOKRASI DALAM UMNO, MALAHAN KAMI BERSIKAP LIBERAL DAN SANGGUP MENGENEPIKAN SYARAT DALAM PERLEMBAGAAN UMNO UNTUK MEMBENARKAN KELAB UMNO ITU TURUT SERTA DALAM PERBAHASAN,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

+KALAU MENGIKUT PERLEMBAGAAN PARTI CUMA WAKIL-WAKIL UMNO DI NEGARA INI SAHAJA YANG BERHAK BERCAKAP,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO.

PRESIDEN UMNO ITU SEDIH KERANA KESEMPATAN YANG DIBERIKAN ITU TELAH DIGUNAKAN OLEH KELAB UMNO LONDON UNTUK MENGECAM KONONNYA PUCUK PIMPINAN AUTOKRATIK SERTA LAIN-LAIN PERKARA PERIBADI.

BELIAU LALU MEMBERITAHU TENTANG SURAT YANG DITERIMANYA DARI KELAB UMNO KAHERAH DAN KARACHI YANG MEMBANTAH TINDAKAN KELAB UMNO LONDON KERANA TIDAK MENYENTUH PERKARA YANG TELAH DIRUNDINGKAN DENGAN KELAB-KELAB ITU. -- LAGI 2131/OM

ZCIC B649:
MAHATHIR-LONDON 2 KUALA LUMPUR

+KITA DIBENARKAN BERCAKAP TETAPI CAKAPLAH TENTANG PERKARA YANG TELAH DIRUNDINGKAN TERLEBIH DAHULU DENGAN RAKAN- RAKAN DI KELAB UMNO YANG LAIN,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA KALI INI BELIAU MEMBENARKAN KELAB UMNO LONDON DAN WASHINGTON UNTUK BERUCAP DAN LAIN KALI PULA KELAB-KELAB UMNO YANG LAIN DI SEBERANG LAUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJAWAB TENTANG SOAL MEMBERIKAN BIASISWA KEPADA PRESIDEN KELAB, WAN ADNAN IDRIS, YANG DITIMBUL-KAN OLEHNYA SEMASA PERBAHASAN.

+DIA MINTA SAYA REKOMENKAN MARA MEMBERINYA BIASISWA, SAYA REKOMEN TETAPI MARA MENOLAK. BUKAN MARA TAK NAK BERI, TAPI TELAH BERI DULU.

+KALI INI MARA TOLAK, KERANA ADA SEBAB-SEBABNYA,+ TAMBAH BELIAU TANPA MENGHURAIKAN LEBIH LANJUT. -- BERNAMA 2133/OM